

SDNU seru masyarakat lebih berdisiplin dan patuhi SOP

SIBU: Masyarakat Iban di sini diseru supaya lebih berdisiplin dalam pematuhan prosedur operasi standar (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikenakan oleh kerajaan.

Pengerusi Kesatuan Kebangsaan Dayak Sarawak (SDNU) Sibu Chambai Lindong berkata, sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang lalu ramai kurang mematuhi SOP yang dikenakan sehingga menimbulkan pelbagai masalah.

“Selain itu, semasa ujian calitan COVID-19 ada masyarakat kita lari daripada menjalani ujian tersebut sehingga menyembunyikan ahli keluarga sendiri kerana takut untuk dicalit.

“Jelas ini menunjukkan tahap kesedaran masyarakat kita masih rendah dan tidak berdisiplin,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyertai program

randau secara maya bersama pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta ahli akademik Dayak di laman sosial Majlis Perbandaran Sibu (MPS) yang dianjurkan Pengerusinya Clarence Ting, semalam.

Turut serta dalam randau itu ialah Ahli MPS Kaunselor Augustine Merikan, Profesor Dr Jayum Jawan daripada Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr Lucy Sebli dari pada Universiti Malaysia Sarawak, Presiden Sarakup Indu Dayak Sarawak (SIDS) Datuk Alice Jawan, Setiausaha Politik Ketua Menteri Romeo Christopher Tegong dan Pengerusi SIDS Sibu Angelyn Uchi Maseng.

Randau dalam bahasa Iban itu diadakan selama kira-kira dua jam dengan Jayum sebagai moderator yang membincangkan tentang langkah-langkah terkini serta pematuhan prosedur operasi standard (SOP) bagi pencegahan jangkitan

COVID-19 di rumah-rumah panjang serta melibatkan masyarakat Dayak di sini.

Tegas Chambai, segelintir masyarakat masih tidak takut dengan COVID-19 dan menganggap penyakit ini ringan sahaja.

“Ada yang menganggap penyakit ini sebagai selesema dan memandang ia ringan sahaja.

“Wabak COVID-19 ini bukan perkara main-main khususnya kepada kita yang tinggal di sesebuah petempatan termasuk di rumah-rumah panjang.

“Pematuhan SOP serta disiplin diri sendiri sahaja dapat memastikan anda dan keluarga dapat menjauhi diri daripada wabak ini,” katanya.

Beliau turut mengingatkan masyarakat Dayak supaya terus mematuhi SOP dengan menggunakan pelitup separuh muka apabila keluar rumah.